

28 MAR 1997

Ramli - Komputer

UMNO PERAK AKAN LENGKAPKAN SEMUA BAHAGIANNYA DENGAN KOMPUTER

IPOH, 28 Mac (Bernama) -- Umno Perak akan memperlengkapkan kesemua bahagiannya dengan komputer dalam usaha mewujudkan masyarakat bermaklumat dan celik komputer selaras dengan usaha kerajaan mewujudkan Koridor Raya Multimedia.

Pengerusi badan perhubungan Umno negeri Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata bagi peringkat kedua semua setiausaha dan setiausaha kerja Umno bahagian, Pemuda dan Wanita yang seramai 132 orang akan diberi kursus berperingkat-peringkat mengenai komputer.

Kursus peringkat pertama untuk semua wakil rakyat dan ketua-ketua kerajaan negeri telah diadakan pada bulan lepas, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan Umno negeri di sini hari ini.

Beliau juga berkata Pemuda dan Wanita Umno Perak akan turut menganjurkan seminar mengenai masalah sosial untuk menyedarkan anggotanya dan masyarakat umum mengenai ketenatan masalah itu di negeri ini.

Beliau berkata beberapa tokoh yang mengkaji masalah sosial itu akan dijemput untuk membentangkan kertas kerja mereka.

Umno juga bercadang untuk menjemput ibu-bapa menghadiri seminar tersebut bagi dapat bersama-sama berbincang bagi mengatasi masalah tersebut, katanya.

Mesyuarat hari ini juga turut melantik pengerusi-pengerusi biro Umno negeri iaitu Datuk Haji Wajidi Datuk Ishak untuk biro ekonomi, Datuk Haji Hamdi Abu Bakar biro latihan dan pendidikan, Haji Talha Ismail biro agama, Datuk Qamaruzaman Ismail biro hal ehwal dan Haji Mohd Zaim Abu Hassan biro sosial dan kebajikan .

Mesyuarat hari ini turut meluluskan cadangan calon pengerusi Barisan Nasional peringkat bahagian untuk dikemukakan kepada Presiden Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, katanya.

Mengenai mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Wilayah Utara di Ipoh Isnin ini, Ramli berkata tiga atau empat kertas cadangan akan dibentangkan bagi mempertingkatkan lagi pembangunan ekonomi dan kerjasama ke empat-empat negeri iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Mesyuarat sehari yang diadakan setahun sekali dan dihadiri oleh kesemua Menteri Besar dan Ketua Menteri empat-empat negeri itu akan turut membincangkan kerjasama dalam bidang pentadbiran dan perkhidmatan bagi mengelak pertindihan kerja bagi membantu mengurangkan kos perkhidmatan, katanya. -- BERNAMA.

HK WAT